



KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2022

Kajian Insentif Cukai

**Kementerian Kewangan Malaysia
3 September 2021**

KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2022

KAJIAN INSENTIF CUKAI

Kementerian Kewangan menjemput maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi awam ini. Maklum balas boleh dikemukakan selewat-lewatnya pada 5.00 petang, 15 September 2021 (Rabu).

Maklum balas yang dikemukakan akan digunakan di dalam pelbagai forum perbincangan anjuran Kementerian Kewangan atau pihak yang diberi kebenaran oleh Kementerian Kewangan. Sekiranya maklumat seperti nama tidak mahu disiarkan kepada umum, sila nyatakan secara jelas di dalam maklum balas yang dikemukakan.

Salinan tambahan kertas konsultasi awam ini boleh dimuat turun dan maklum balas boleh dikemukakan melalui pautan yang disediakan di portal rasmi Kementerian Kewangan www.mof.gov.my

Sebarang soalan atau keperluan maklumat lanjut berkenaan kertas konsultasi awam ini boleh dikemukakan kepada konsultasi.bajet2022@mof.gov.my

Sumbangan tuan/puan adalah dihargai, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Perkara	Muka Surat
1.	Objektif	1
2.	Pengenalan dan Latar Belakang	1
3.	Isu Berbangkit Berkaitan Sistem dan Pentadbiran Insentif Cukai	2
4.	Cadangan Penambahbaikan	7
5.	Jangkaan Impak	9
6.	Rumusan	10
7.	Soalan dan Maklum Balas	10

1. OBJEKTIF

- 1.1. Kertas konsultasi ini menggariskan kajian yang sedang dijalankan ke atas sistem dan pentadbiran insentif cukai di Malaysia. Ia disediakan bagi mendapatkan input dan pandangan awam ke atas kajian tersebut melalui proses semakan secara menyeluruh dan cadangan penambahbaikan serta pembaharuan kepada rangka kerja insentif cukai sedia ada.
- 1.2. Kajian ini perlu bagi memastikan insentif cukai yang ditawarkan kepada pelabur asing dan tempatan kekal relevan dengan lanskap semasa perniagaan di samping terus mengekalkan daya saing negara bagi menarik pelaburan berkualiti dan pada masa yang sama memberi pulangan positif kepada ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

2. PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

- 2.1. Pentadbiran insentif cukai pada masa ini dibuat melalui dua akta utama iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Pelbagai agensi penggalakan pelaburan (*investment promotion agency* atau IPA) yang ditubuhkan Kerajaan terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam pentadbiran insentif cukai bagi menyokong hasrat melancarkan pelaksanaan dasar dan agenda pembangunan negara. Antara IPA terlibat pada masa ini adalah *Malaysia Investment Development Agency* (MIDA), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), *Bioeconomy Corporation* serta pihak berkuasa pembangunan koridor seperti *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) dan *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA).
- 2.2. Di dalam prosedur semasa, permohonan insentif cukai yang diterima oleh IPA dan koridor pembangunan ekonomi dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (*National Committee on Investment* atau NCI) yang dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan

Kementerian Kewangan (MOF) serta dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan kementerian serta agensi berkaitan berdasarkan keperluan. MIDA bertindak sebagai urusetia kepada jawatankuasa tersebut.

2.3. Manakala bagi permohonan insentif cukai di luar dasar atau melibatkan cadangan kompleks dan strategik yang mempunyai keunikan dari aspek pulangan yang besar kepada negara, permohonan perlu dikemukakan terus kepada Kementerian Kewangan.

2.4. Laporan *World Bank Group* (2016)¹ ada menyarankan bahawa sesuatu insentif harus dikaitkan kepada hasil yang diinginkan (*outcome*) bagi memastikan pemberian insentif yang lebih berkesan. Ini bermaksud sistem dan pentadbiran insentif cukai sedia ada perlu disemak secara menyeluruh bagi memastikan ia kekal relevan dengan perkembangan ekonomi dan perniagaan semasa serta berupaya menarik pelaburan dari dalam dan luar negara. Dalam perkara ini, kajian insentif cukai yang terlibat hanya akan meliputi insentif cukai yang ditawarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

3. ISU BERBANGKIT BERKAITAN SISTEM DAN PENTADBIRAN INSENTIF CUKAI

3.1. Berdasarkan kepada penelitian dan maklum balas awal, didapati sistem dan pentadbiran insentif cukai negara sedia ada mempunyai beberapa isu berbangkit seperti berikut:

Kerangka Kerja

3.1.1. Kerangka insentif sedia ada kurang responsif kepada perubahan persekitaran perniagaan dan lanskap ekonomi. Permintaan

¹ *Malaysia: Impact of Corporate Income Tax Incentives, World Bank Group* (2016)

terhadap pakej insentif sedia ada tidak lagi menarik malah pelabur lebih berminat kepada pakej insentif istimewa (*customized incentives*).


- 3.1.2. Insentif cukai semasa didapati tidak memberi tumpuan kepada sektor yang disasarkan dan tidak lagi relevan. Terdapat juga keadaan di mana insentif cukai tidak sesuai lagi ditawarkan dan perlu disemak semula disebabkan perkembangan teknologi sesetengah aktiviti.
- 3.1.3. Keadaan ini akan menyebabkan Kerajaan menghadapi kesukaran dalam menarik lebih banyak pelaburan ke dalam negara malah akan menimbulkan layanan cukai yang berbeza dalam kalangan pelabur-pelabur.

Koordinasi Antara Agensi

- 3.1.4. Pada masa ini, terdapat lebih daripada 32 IPA² yang mana setiap daripadanya mempunyai objektif dan misi tersendiri. Mereka juga mempunyai peranan dan fokus pelaburan yang berbeza berdasarkan kepada mandat yang telah ditetapkan dan jenis pelaburan yang bersesuaian dengan sesuatu kawasan. Dengan itu, sebarang kekurangan koordinasi di antara IPA dan penggubal dasar akan menyebabkan matlamat utama pelaburan negara akan sukar dicapai.
- 3.1.5. Terdapat juga kekurangan dari aspek keseragaman dalam menilai pelaburan disebabkan oleh perbezaan kapasiti antara agensi penilai. Senario ini telah mewujudkan ketidaktentuan kepada pelabur dan boleh menyebabkan pelabur tidak berminat menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

² *Review of Tax Incentives: Issues and Recommendations, Tax Reform Committee (2019)*

Rajah 1: Lanskap Insentif Di Malaysia



Sumber: Malaysia Investment Development Authority

Pendekatan Terkini dan Komitmen di Peringkat Antarabangsa


3.1.6. Penetapan polisi percukaian di peringkat antarabangsa akan memberi kesan kepada pemberian insentif cukai kepada pelabur. Misalnya, pengenalan kepada *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS Project) dan penetapan di bawah *Forum on Harmful Tax Practices* (FHTP) oleh *Organisation of Economic Cooperation and Development* (OECD) akan mengubah lanskap percukaian. Cadangan pengenalan konsep percukaian *global minimum tax* turut akan memberi kesan kepada pakej tawaran insentif berdasarkan piawaian antarabangsa. Oleh itu, dengan mengambilkira keperluan piawaian percukaian antarabangsa, pelabur akan lebih selektif dalam membuat pelaburan dan akan menimbulkan persaingan dalam kalangan negara-negara sedang membangun.

3.1.7. Selain itu, isu ekosistem insentif yang kurang kompetitif disebabkan perubahan dasar yang dipengaruhi oleh faktor geopolitik dalam dan luar negara di luar kawalan juga akan menjelaskan keyakinan para pelabur untuk membuat pelaburan.

Destinasi Pelaburan Utama

3.1.8. Tarikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur semakin berkurang. Berdasarkan *World Economic Forum (2019)*³, Malaysia menduduki tangga ke-27 daripada 141 negara dari segi indeks keseluruhan daya saing global, iaitu turun 2 anak tangga dari tahun sebelumnya. Sebagai perbandingan, Singapura masih mengekalkan kedudukan pertama dalam senarai ini.

Rajah 2: Kedudukan Malaysia Di Dalam Indeks Daya Saing Global, 2019




Sumber: *The Global Competitive Index Report 2019, World Economic Forum (2019)*

³ The Global Competitive Index Report 2019, World Economic Forum (2019)

- 3.1.10 Kemasukan bersih pelaburan langsung asing (FDI) ke Malaysia telah menunjukkan tren menurun buat beberapa tahun dengan penyusutan ketara sebanyak 54.8% kepada RM14.6 bilion pada tahun 2020 berbanding RM32.4 bilion pada tahun sebelumnya. Walaupun sebahagian daripada penyusutan berkenaan merupakan kesan daripada ketidakpastian ekonomi global disebabkan pandemik COVID-19, langkah sewajarnya perlu diambil bagi mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelabur.
- 3.2. Insentif cukai juga didapati telah kurang relevan dan efektif dalam konteks persekitaran masa kini. Berdasarkan laporan World Bank Group⁴ menyatakan insentif cukai bukanlah faktor utama dalam menentukan pemilihan destinasi pelaburan. Sebaliknya, tiga faktor penting yang menjadi keutamaan ialah kestabilan politik, kestabilan makroekonomi serta undang-undang dan peraturan yang mapan. Rajah di bawah menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pemilihan pelaburan.

⁴ *Global Investment Competitiveness Report 2019/2020 : Rebuilding Investor Confidence in Times of Uncertainty*, World Bank Group (2020)

Rajah 3: Faktor Penentu Pelaburan Syarikat



Sumber: World Bank Group

4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kerangka dan Perundangan

4.1. Mengadakan semakan dan pindaan menyeluruh ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dengan hasrat menggabungkan kedua-dua akta menjadi satu akta yang komprehensif bagi memastikan hal-hal berkaitan insentif cukai serta promosi pelaburan diurus dengan baik dan efektif. Ini memandangkan Akta Cukai Pendapatan

1967 hanya memberi tumpuan kepada aspek pengenalan dan pentadbiran cukai.

- 4.2. Menyelaras perundangan sedia ada di bawah satu pentadbiran khusus untuk memastikan insentif cukai yang telus dan mudah difahami serta ditadbir seperti berikut:

Rajah 4: Cadangan Penambahbaikan Kerangka Insentif Cukai



Koordinasi Antara Agensi

- 4.3. Meningkatkan koordinasi antara PIA termasuk pembuat dasar bagi memastikan matlamat pelaburan negara tercapai.
- 4.4. Memantapkan fungsi NCI dan MIDA sebagai platform utama penilaian dan pertimbangan pelaburan terutama bagi pelaburan asing.

- 4.5. Mengguna pakai proses pemantauan dan pematuhan yang lebih efisien dan mantap bagi agensi penggalakan pelaburan untuk menilai komitmen pelaburan dalam penganalan syarat pelaburan serta pentadbiran insentif dan pengurusan pelabur yang lebih berkesan.

Pendekatan Terkini dan Komitmen Di Peringkat Antarabangsa

- 4.6. Menentukan insentif cukai yang fleksibel serta berupaya menyesuaikan dan menerapkan keperluan percukaian semasa dan global seperti BEPS 2.0.
- 4.7. Mengimbangi penarikan FDI dengan peningkatan pelaburan langsung domestik (DDI) bagi memastikan pelaburan baharu terus dibuat dalam negara selain memastikan pelabur sedia ada terus menyokong agenda pelaburan negara.

5. JANGKAAN IMPAK

5.1. Khusus

- 5.1.1. Kerangka kerja perundangan insentif cukai komprehensif yang telus dan mudah untuk dilaksanakan dan relevan dengan perubahan semasa di samping mewujudkan keyakinan fungsi kepada pelabur.
- 5.1.2. Kerangka insentif cukai Malaysia yang mampu bertindak secara responsif dengan dasar Kerajaan dan perkembangan terkini global khususnya BEPS 2.0.
- 5.1.3. Pembentukan ekosistem pelaburan koridor pembangunan wilayah di Malaysia yang dapat merapatkan jurang pembangunan di kawasan berkenaan melalui pewujudan rangkaian ekonomi dan pewujudan pekerjaan bernilai tinggi; dan

- 5.1.4. Peningkatan kapasiti dan peranan agensi penggalakan pelaburan dalam aspek pemantauan dan pematuhan insentif cukai serta berupaya bertindak sebagai agen bagi menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pelabur di negara ini dengan mengguna pakai kemajuan teknologi digital.

5.2. Umum

- 5.2.1. Peningkatan keyakinan pelabur yang berhasrat untuk melabur di Malaysia;
- 5.2.2. Peningkatan FDI dan DDI di Malaysia;
- 5.2.3. Pertumbuhan ekonomi di kawasan yang disasarkan di Malaysia;
- 5.2.4. Peningkatan dalam pelaburan berkualiti; dan
- 5.2.5. Pengembangan industri yang disasarkan.

6. RUMUSAN

Selari dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan bernilai tinggi, adalah penting untuk memastikan fasilitasi dan galakan berpadanan disediakan kepada pelabur. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk memastikan pemberian insentif kepada pelabur akan terus mewujudkan rangkaian ekonomi lain yang akan memanfaatkan negara ini seperti pewujudan pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat Malaysia, pemindahan teknologi dan pertambahan kepada hasil negara.

7. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

- 7.1 Melalui kajian insentif cukai, Kerajaan akan menyemak semula dan mewujudkan satu perundangan yang komprehensif bagi memudahkan

semakan dan memudahkan pelabur memahami dan mematuhi perundangan pelaburan di Malaysia. Apakah fokus aspek perundangan yang perlu ditambahbaik dan mesra pelabur yang boleh menarik pelaburan strategik ke Malaysia?

- 7.2 Pada masa ini, insentif yang ditawarkan kepada pelabur adalah dalam bentuk fiskal. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada situasi semasa, trend insentif yang dipohon oleh pelabur tidak hanya tertumpu kepada aspek fiskal tetapi melibatkan juga insentif bukan fiskal. Oleh itu, apakah bentuk insentif bukan fiskal yang dikehendaki dari Kerajaan sebagai daya penarik pelaburan baharu ke Malaysia?
- 7.3 Di dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada pelabur, Kerajaan bercadang untuk melaksanakan penilaian insentif cukai secara automatik (*self-regulated*) bagi mengurangkan birokrasi kepada pelabur untuk menuntut galakan cukai. Pada pandangan anda, adakah kaedah (*self-regulated*) ini mesra pelabur dan boleh membantu penilaian pelaburan yang lebih efisien?
- 7.4 Salah satu aspek kajian adalah meneliti semula fungsi dan peranan IPA dan peranan penyelarasan disatukan di bawah MIDA. Apakah cadangan Kerajaan ini bersesuaian dengan eko sistem pelaburan masa kini dan apakah cadangan balas yang boleh dikemukakan bagi mengurangkan karenah birokrasi, perbezaan proses dan prosedur serta mengurangkan pertindihan peranan IPA di Malaysia?
- 7.5 Pengenalan pakej insentif pelaburan yang menarik dan kompetitif telah menggalakkan persaingan di kalangan negara ASEAN dalam menarik pelaburan strategik ke negara masing-masing. Adakah kajian insentif ini dapat membantu Kerajaan mempertimbangkan penawaran insentif setanding dengan negara lain?

7.6 Selaras dengan Aspirasi Pelaburan Negara (*National Investment Aspirations* - NIA) yang diterajui oleh MITI, Malaysia merupakan salah satu destinasi pelaburan utama bagi pelabur dari negara maju seperti Amerika Syarikat dan China. Apakah fokus sektor pelaburan strategik yang perlu diberikan keutamaan Kerajaan serta penetapan kriteria dan syarat yang akan dikenakan bagi sektor terpilih?

TAMAT
